

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : BULETIN TV3

MUKA SURAT : <https://www.buletintv3.my/Nasional/dasar-tenaga-negara-dilancarkan-hari-ini>

Dasar Tenaga Negara Dilancarkan Hari Ini



FOTO: NSTP

PUTRAJAYA: Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040 yang dilancarkan hari ini, mengambil kira perkembangan serta cabaran dalaman dan luaran, demi memastikan sektor tenaga dapat terus membangun dengan mampan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata visi DTN iaitu Kemampanan Tenaga untuk Mencapai Kemakmuran Bersama disokong tiga objektif.

Beliau berkata, tiga objektif itu adalah meningkatkan daya tahan ekonomi makro dan jaminan bekalan tenaga; mencapai kesaksamaan sosial menerusi mampu bayar tenaga; dan memastikan kelestarian alam sekitar.

Katanya, selain terpaksa menanggung subsidi tenaga dijangka sebanyak RM37.3 bilion bagi petrol, diesel dan gas cecair asli (LPG), kemelut pandemik dan ketidaktentuan geopolitik dunia, serta isu perubahan iklim yang serius turut memberi kesan kepada harga bahan api dan peralihan kepada tenaga yang lebih mampan.

“Di sebalik keadaan ini, kerajaan terus bersikap prihatin dan memberi jaminan bahawa Keluarga Malaysia akan terus mendapat akses kepada bekalan tenaga yang terjamin pada harga mampu bayar.

“Pada masa sama, satu penyelesaian holistik amat diperlukan bagi menjamin bekalan tenaga, kemampanan alam sekitar dan kemakmuran Keluarga Malaysia selain menggalak daya saing dan inovasi dalam industri serta merancakkan pertumbuhan ekonomi,” katanya ketika melancarkan DTN 2022-2040, petang ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Ismail Sabri berkata, DTN juga akan memperkemas dan mengharmonikan pelbagai dasar berkaitan tenaga sedia ada bagi memastikan sektor itu terus kalis cabaran pada masa hadapan.

Beliau berkata, tiga objektif berkenaan bakal mengimbangi trilema tenaga yang sejajar dengan matlamat utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). – BERITA HARIAN